

SOALAN LAZIM



NO	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah Kios JPJ ?	Kios JPJ merupakan mesin yang dapat membantu memudahkan pelanggan melakukan transaksi urus niaga perkhidmatan JPJ secara kendiri. Sehingga tahun 2024, JPJ telah menyediakan sebanyak 206 unit kios di semua negeri secara berfasa.
2	Siapakah yang boleh menggunakan Kios JPJ ini?	Kios ini boleh digunakan oleh individu/ wakil syarikat Warganegara Malaysia dan bukan Warganegara Malaysia. Walau bagaimanapun, Pembaharuan Lesen Memandu adalah dihadkan kepada Warganegara Malaysia sahaja.
3	Bolehkah saya memperbaharui Lesen Kenderaan Motor (LKM) dan Lesen Memandu Malaysia (LMM) untuk orang lain di Kios JPJ?	Boleh, wakil dibenarkan untuk memperbaharui Lesen Kenderaan Motor (LKM) Lesen Memandu Malaysia (LMM).

SOALAN LAZIM



NO	SOALAN	JAWAPAN
4	Adakah semua LKM boleh diperbaharui di Kios JPJ?	Hanya pembaharuan LKM berikut dibenarkan di Kios JPJ ini : 1. Motokar Persendirian/ Syarikat 2. Motorsikal Persendirian/ Syarikat
5	Bolehkah saya mendapat salinan Sijil Pemilikan Kenderaan (VOC) di Kios JPJ?	Boleh, hanya pemilik berdaftar kenderaan dibenarkan untuk membuat salinan Sijil Pemilikan Kenderaan (VOC) .
6	Bolehkah saya memperbaharui Lesen Memandu Percubaan (Lesen P) kepada Lesen Kompeten di Kios JPJ?	Tidak Boleh. Rujuk ke kaunter JPJ Cawangan atau JPJ Negeri.
7	Adakah wakil dibenarkan untuk membayar saman bagi pihak ketiga?	Ya. Wakil boleh membayar saman untuk pihak ketiga dengan menggunakan nombor saman.

SOALAN LAZIM



NO	SOALAN	JAWAPAN
8	Apakah kaedah pembayaran yang diterima di Kios JPJ?	Bagi kaedah pembayaran, pelanggan boleh membuat pembayaran menggunakan kad kredit atau kad debit.
9	Apakah yang perlu dilakukan jika mendapat paparan “Transaksi tidak berjaya” ?	Resit void dan mesej “Transaksi tidak berjaya” akan dipaparkan dalam slip transaksi <i>thermal</i> yang dikeluarkan oleh Kios. Bayaran yang telah ditolak dari akaun bank pelanggan akan dikembalikan selewatnya dalam masa 7 hari.
10	Bolehkah bayaran saman dilakukan di kios ini bagi saman yang telah disenarai hitam?	Tidak boleh. Pembayaran saman yang disenarai hitam tidak boleh dilakukan di kios ini.
11	Adakah wakil dibenarkan untuk membayar saman bagi pihak ketiga?	Ya. Wakil boleh membayar saman untuk pihak ketiga dengan menggunakan nombor saman

SOALAN LAZIM



NO	SOALAN	JAWAPAN
12	Adakah resit yang dikeluarkan oleh kios adalah resit rasmi?	<p>Bukan.</p> <p>Itu adalah slip transaksi thermal bagi bayaran yang telah dilakukan di Kios. Resit rasmi JPJ boleh dicetak dengan mengimbas kod QR yang tertera dislip transaksi thermal atau melalui email.</p> <p>Resit rasmi yang pertama diimbas/cetak adalah resit rasmi ASAL. Resit yang diimbas/cetak seterusnya adalah resit rasmi SALINAN.</p>
13	Bolehkah saya mendapat salinan geran di kios?	<p>Boleh.</p> <p>Hanya pemilik kenderaan yang dibenarkan untuk melakukan transaksi.</p>
14	Siapakah yang saya perlu hubungi sekiranya ada sebarang masalah berkaitan urus niaga di kios?	Sekiranya terdapat sebarang masalah/ pertanyaan sila rujuk di Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) WP Putrajaya di Bangunan Galeria, Putrajaya. Sila hubungi di talian 03-88811705